



## 19 pasukan sertai Kejohanan Kuda Lasak Piala Tuanku Canselor 2022

Ogos 2, 2022 @ 7:34pm



Kejohanan Kuda Lasak Piala Tuanku Canselor 2022 yang dianjurkan dengan kerjasama PPP UPM dan BEC akan disertai seramai 79 peserta membabitkan 19 pasukan

KUALA LUMPUR: Sebanyak 75 peserta membabitkan 19 pasukan akan menyertai Kejohanan Kuda Lasak Piala Tuanku Canselor 2022 yang dianjurkan menerusi kerjasama antara Pusat Pertanian Putra (PPP) Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kejohanan yang mendapat kerjasama BEST Equestrian Club (BEC) bermula Jumaat hingga Ahad ini mendapat perkenan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selaku Tuanku Canselor UPM.

Sebanyak dua kategori akan dipertandingkan pada kejohanan julung kali diadakan itu iaitu Championship Endurance National (CEN) 40 dan 80 kilometer (km) yang turut mendapat pengiktirafan daripada Persatuan Ekuin Malaysia (EAM) dan Persekutuan Sukan Equestrian Antarabangsa (FEI).

Bagi saingen kategori CEN 40km, sebanyak 15 pasukan akan bersaing iaitu PDRM, MREC, Perbadanan Putrajaya, Legendary Endurance, KAET, Hooves Gang, Estika Endurance Team, Hooves Tribe, Ar-Raudhah Equine Club, DSIA Equestrian & Riding Club, GHRC, Ikhwan Equestrian, MZ Stable, 3S Equestrian dan Kasavilla Stable.

Kategori CEN 80km akan menyaksikan empat pasukan memburu gelaran juara iaitu Ar-Raudhah Equine Club, PDRM, Ikhwan Equestrian dan GHRC.

Kejohanan berkenaan memberi ruang dan peluang khususnya Akademi Sukan UPM bersama Benua Equestrian Stable (BEST) untuk membangunkan disiplin sukan kuda lasak dan eventing bagi menyemarakkan aktiviti berkuda dan sukan berkuda untuk masyarakat setempat.

UPM juga menyasarkan untuk menjadi salah satu trek sukan kuda lasak di peringkat antarabangsa iaitu di bawah FEI di Lembah Klang selain di Terengganu.